

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PELANCARAN SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI DIBAWAH
INISIATIF PENGKOMERSILAN UniMAP
10 APRIL 2018,
PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN, UniMAP PAUH PUTRA

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berhormat, Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan
Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Rosni Bakar, Pengarah Pusat Pengkomersilan Harta Intelek UniMAP (CIPC)

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Yang dihormati wakil-wakil Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia,

Wakil-wakil Media,

Serta warga UniMAP yang dikasihi sekalian

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Azza Wajalla yang memanjangkan usia serta memberikan kesihatan yang baik buat kita hingga membolehkan kita berhimpun pada ***Majlis Pelancaran Syarikat Terbitan Universiti Dibawah Inisiatif Pengkomersialan UniMAP*** ini.
2. Saya mewakili pengurusan tertinggi UniMAP ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh serta tetamu kehormat yang sudi hadir kepada, kerana sudi hadir bagi menyaksikan ***Upacara Menandatangani Perjanjian Perlesenan Harta Intelek UniMAP*** di petang yang berbahagia ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENGGOMERSILAN HARTA INTELEK UniMAP

3. UniMAP merupakan sebuah universiti yang berorientasikan teknologi dan kejuruteraan. Majoriti staf akademik UniMAP merupakan individu yang mempunyai latar belakang sains, kejuruteraan dan industri berasaskan teknologi.
4. Oleh demikian penyelidikan yang digembelengkan di UniMAP menumpukan kepada bidang teknologi dan kejuruteraan. Bermula dari penubuhan universiti sehingga hari ini, jumlah harta intelek yang berdaftar telah mencecah 153.

5. Sebagai universiti yang dinamik, kita sedia maklum bahawa penambahan jumlah harta intelek semata tidak cukup untuk meletakkan UniMAP sebagai katalis dalam menyumbang kepada masyarakat dan negara.
6. Oleh itu, setiap penyelidikan dan inovasi yang diusahakan dan dibina oleh penyelidik universiti harus mampu meneroka dan memberi impak kepada masyarakat umum. Bahkan ia harus mempunyai nilai komersial yang tinggi.
7. Bertitik daripada iltizam ini, UniMAP melalui CIPC atau Pusat Pengkomersilan Harta Intelek, dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi membangunkan Dasar Pengkomersialan UniMAP bagi membolehkan inisatif pengkomersilan berlaku.

Hadirin dan hadirat sekalian

DASAR PENGKOMERSIALAN UniMAP

8. Dibawah dasar ini, UniMAP membolehkan setiap harta intelek yang dihasilkan dilesenkan oleh mana-mana syarikat

yang berminat untuk mengkomersialkan produk atau teknologi tersebut. Dasar pengkomersialan ini membolehkan keadaan dimana harta intelek ini dilesenkan.

- **Spin-Off Company** - Keadaan dimana harta Intelek (IP) universiti dilesenkan kepada syarikat universiti seperti UniMAP Holding Sdn. Bhd. Ini akan menghasilkan sebuah anak syarikat baru dibawah “University Business Arm” fokus kepada mengkomersil produk yang dilesenkan harta intelektualnya.
- **Start-Up Company** - Keadaan dimana UniMAP memberikan kebenaran IP dilesenkan oleh pensyarah/penyelidik UniMAP sendiri. Ini membolehkan staf UniMAP menubuhkan syarikat sendiri dengan izin universiti, seterusnya menjadi tekno-usahawan.
- **Third Party Licensing** - Melalui perlesenan pihak ketiga, UniMAP memberikan hak pengkomersialan pada mana-mana syarikat luar yang berminat dengan IP yang hendak dikomersialkan.

9. Selain dari perlesenan, UniMAP juga bersedia menjualkan mana-mana harta intelek yang ada pada mana mana pihak yang berminat.

Hadirin dan hadirat sekalian

10. Matlamat utama CIPC bukan sahaja mengkomersialkan harta intelek UniMAP, tetapi dasar yang dibangunkan ini juga membolehkan universiti mencapai dua lagi objektif.

- **Pertama**, meningkatkan nilai keusahawan dalam kalangan staf UniMAP.
- **Kedua**, menjadi salah satu inisiatif penjanaan kewangan universiti melalui perlesenan dan jualan hak IP.

11. Sekali lagi saya ingin ucapkan tahniah kepada CIPC dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP kerana pada petang ini, kita dapat menyaksikan kejayaan pertama polisi yang dibangunkan melibatkan empat syarikat terbitan milik staf UniMAP dan satu syarikat luar. Empat Syarikat Terbitan milik staf yang terlibat adalah:

- **Manggo Lestari Consult Sdn. Bhd -**

Ahli Lembaga Pengarah:

- Prof. Madya Dr. Mahamad Nor Jaafar
- En. Ahmad Azudin Nordin
- En. Che Hishamuddin Che Mat

- **E Prolink Sdn Bhd -**

Ahli Lembaga Pengarah

- Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Jamlos

- **HAAS Solution Sdn Bhd**

Ahli Lembaga Pengarah

- Prof. Dr. Hazry Desa
- En. Muhammad Azizi Azizan

- **SWZ Engineering Consultant Sdn. Bhd. -**

Ahli Lembaga Pengarah

- Prof. Madya Dr. Shahrizan Abu Bakar
- Prof. Madya Dr. Wan Khairunizam Wan Ahmad
- Dr. Zunaidi Ibrahim

12. Manakala dari syarikat luar UniMAP adalah dari **IC-EZ Sdn. Bhd.**

13. Dengan kejayaan perlesenan 4 IP universiti kepada syarikat-syarikat ini, UniMAP telah berjaya mendapat nilai perlesenan sebanyak RM410,000.00 dan sebagai Naib Canselor, saya beharap momentum kejayaan seperti ini harus dikekalkan malah ditingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Seri, Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

14. Sebelum mengakhiri ucapan, ingin saya tekankan di sini bahawa UniMAP sentiasa beriltizam untuk menjadi yang terbaik di persada antarabangsa seterusnya menjadi 500 universiti terbaik dunia, Insya Allah.

15. Sekali lagi setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, Prof. Dr. Uda Hashim dan Pengarah CIPC Prof Dr atas permulaan yang memberangsangkan untuk 2018 ini.

16. Namun semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan dari Dato' Seri dan pihak KPT. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh atas kesudian hadir ke UniMAP pada hari ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.